



KAMBING dikategorikan sebagai binatang ternakan yang boleh dibuat korban. – Gambar hiasan



# Nilai dan kebesaran Hari Raya Aidiladha

**B**ULAN Zulhijah merupakan antara bulan yang penuh keberkatan kerana di dalamnya terdapat dua ibadah penting dalam Islam.

Bagi mereka yang bertuah, berpeluang menjejakkan kaki ke tanah suci untuk melaksanakan Rukun Islam kelima iaitu mengerjakan ibadah haji manakala individu yang belum berkesempatan melakukan ibadah korban.

Tatkala usai menunaikan solat sunat Aidiladha di masjid, orang ramai khususnya yang mengambil bahagian dalam ibadah korban akan ke tempat penyembelihan.

Kanak-kanak dan orang dewasa leka menyaksikan haiwan disembelih sebelum dilapah serta diagih-agihkan kepada individu yang berkelayakan. Jika jumlah jemaah yang menonton agak ramai, perayaan yang disambut pasti meriah dan penuh barakah.

Ibadah berkorban adalah perkara yang sunat dilakukan ketika menyambut Aidiladha bagi menunjukkan betapa umat Islam digalakkan berkorban. Amalan tersebut telah dilakukan sejak zaman rasul terdahulu seperti Nabi Musa dan Nabi Ibrahim a.s.

Bagaimanapun, terdapat beberapa lokasi yang meriah ketika menyambut Aidiladha tetapi di beberapa lokasi lain agak sunyi dari segi keriuhan.

Situasi itu tidak sepatutnya berlaku kerana Aidiladha adalah perayaan untuk semua Muslim tanpa mengira darjat, lokasi ataupun bangsa.

Atas dasar itu juga, Hari Raya Korban tidak boleh dipandang enteng tetapi sepatutnya disambut meriah oleh seluruh umat Islam.

**Pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia Mohamad Zulkifli Abdul Ghani** menjelaskan, Hari Raya Korban perlu diutamakan nilai dan kebesaran kerana terdapat beberapa keistimewaan ibadah dalam bulan Zulhijah.

Jelasnya, ibadah haji yang merupakan Rukun Islam kelima itu dilakukan pada bulan Zulhijah dan ketika menyambut Aidiladha. "Sambutan ini perlu meriah kerana pengorbanan mereka yang mampu dan terpilih untuk mengerjakan haji.

"Mereka berkorban wang, masa dan meninggalkan kenalan untuk ke tanah suci dalam satu tempoh yang panjang bagi mengerjakan haji.

"Kepada yang tidak berkesempatan dari segi kewangan atau peluang ke Mekah, mereka boleh melakukan

ibadah korban di tempat masing-masing," terang Mohamad Zulkifli ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau memberitahu, amalan berkorban mempunyai banyak hikmah selain merupakan satu ibadah.

Amalan berkorban boleh merapatkan ukhuwah sesama manusia apabila aktiviti mengagih-agihkan daging kepada kenalan dilakukan seperti yang disunatkan satu pertiga daging diagihkan kepada kenalan, sanak-saudara atau jiran tetangga.



**MOHAMAD ZULKIFLI**

## Bergembira

Bagi satu pertiga yang perlu diagihkan kepada golongan fakir, Mohamad Zulkifli berkata, ia dapat membantu mereka yang tidak berkemampuan untuk bergembira dengan daging korban yang dilakukan oleh orang berkemampuan.

"Setiap orang boleh merasa nikmat ibadah berkorban. Ia perlu dilakukan dengan seikhlas hati dan berniat kerana Allah. Jika anda tidak berpeluang untuk melakukan pada tahun ini, doakan kepada-Nya supaya berkesempatan untuk dilakukan pada tahun hadapan," jelasnya.

Mohamad Zulkifli menyarankan supaya masyarakat

khususnya mereka yang bekerja perlu memohon cuti bagi satu tempoh yang panjang supaya dapat menyambut Aidiladha.

Pihak majikan pula diseru untuk memberi ruang dan cuti supaya para pekerja Muslim dapat meraikan perayaan itu dengan penuh meriah.

"Jika semua orang meraiakannya, balik bercuti untuk berhari raya sama seperti Aidilfitri, pasti Aidiladha akan gamat. Orang ramai akan berkumpul di satu sudut untuk melihat penyembelihan sebelum bergotong-royong melapah daging sebelum diagih-agihkan.

"Ia tidak dapat dilihat pada hari biasa mahupun Aidilfitri. Selain itu, takbir hari raya dilaungkan selama tiga hari dan lebih panjang masanya berbanding Aidilfitri," tuturnya sambil memberitahu mengenai adab-adab serta larangan yang perlu di jaga ketika menyambut Aidiladha.

Menurut pensyarah itu, mereka yang melakukan ibadah korban perlu peka dengan pemilihan binatang untuk disembelih. Lembu, kambing atau unta yang dipilih untuk dijadikan korban tidak boleh mengalami kecacatan seperti buta atau berpenyakit.

"Ia mesti sempurna dan merupakan pilihan terbaik kerana ia adalah ibadah yang dilakukan untuk mendapat keredaan Allah," ujarnya.